



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS	:	PENGATURCARAAN KOMPUTER
KOD KURSUS	:	BBT 30802
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN/JULAI 2015
MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A, B DAN C. B) JAWAB SATU (1) SOALAN SAHAJA DI BAHAGIAN D.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI SEPULUH (10) MUKA SURAT

BAHAGIAN A

Nyatakan sama ada setiap pernyataan berikut BETUL atau SALAH.

- S1** Pernyataan berikut adalah bentuk komen yang boleh digunakan dalam pengaturcaraan C.

// Selamat Datang ke Pengaturcaraan Komputer

- S2** Setiap pembolehubah perlu dinyatakan jenis data apabila diisyiharkan.

- S3** Fungsi `scanf()` digunakan untuk memaparkan data dalam pengaturcaraan C.

- S4** Aturcara yang menggunakan pernyataan `if` mengandungi pernyataan berbilang diletakkan dalam `()`.

- S5** Aturcara yang menggunakan pernyataan `while` akan melaksanakan proses paling kurang sekali.

- S6** Pernyataan `break` wajib ditulis bersama arahan `default` di dalam pernyataan pilihan `switch`.

- S7** `case : 'A'` merupakan label `case` yang sah.

- S8** Pernyataan `back` dalam fungsi menghantarkan satu nilai semula ke fungsi yang memanggil.

- S9** Simbol `()` digunakan untuk menentukan nilai awal satu elemen dalam atur cara yang menggunakan tatasusunan.

- S10** Struktur kawalan terdiri daripada struktur kawalan pilihan, ulangan, berujujukan dan pautan.

(10 markah)

BAHAGIAN B

S11 Antara berikut yang manakah bukan perkataan simpanan (reserved keyword) dalam perpustakaan C ?

- A. case
- B. if
- C. then
- D. switch

S12 Ungkapan $x^* = i + j/y$ adalah setara dengan

- A. $x = x * (i + j)/y;$
- B. $x = (x * i) + j/y;$
- C. $x = (x * i + j)/y;$
- D. $x = x * (i + j/y);$

S13 Antara ungkapan berikut yang manakah tidak menghasilkan nilai 3?

- A. $2 + 16 \% 5$
- B. $7 - 15 / 4$
- C. $6 * 5 / 10$
- D. $2 - 4 * 3 + 26 / 2$

S14 Semua di bawah adalah nama pembolehubah yang sah kecuali

- A. harga_barang
- B. harga barang
- C. hagaBarang
- D. HARGABARANG

S15 Operator penurunan bagi x adalah

- A. $x+x$
- B. $--x$
- C. $x=-1$
- D. $++x$

S16 Simbol _____ adalah merupakan operator hubungan tidak sama dengan (not equal to) dalam pengaturcaraan C.

- A. \geq
- B. \leq
- C. \neq
- D. \equiv

S17 Antara yang berikut manakah adalah operator logik yang digunakan untuk memastikan kedua-dua keadaan adalah benar?

- A. ||
- B. &&
- C. !
- D. !=

S18 Antara berikut yang manakah pernyataan di bawah adalah benar bagi memaparkan integer genap antara 1 hingga 10 menggunakan pernyataan `for`?

- A. `for (i = 2; i <= 10; i++)`
- B. `for (i = 0; i <= 10; i--)`
- C. `for (i = 2; i <= 10; i+=2)`
- D. `for (i = 0; i <= 10; i+=-1)`

S19 Apakah nilai boleh ubah `y` selepas pernyataan `switch` dilaksanakan seperti di Rajah S19?

```
Int x = 3;
switch (x) {
    case 1:
        printf("SATU");
        break;
    case 2:
        printf("DUA");
        break;
    case 3:
        printf("TIGA");
        break;
    default:
        printf("TIDAK SAH");
}
```

Rajah S19

- A. SATU
- B. DUA
- C. TIGA
- D. TIDAK SAH

S20 `switch` adalah pernyataan pilihan _____

- A. tunggal
- B. berdua
- C. bertiga
- D. berganda

S21 Pembolehubah-pembolehubah yang diisyiharkan di dalam fungsi dipanggil sebagai _____

- A. pembolehubah sejagat
- B. pembolehubah tempatan
- C. pembolehubah kelas
- D. pembolehubah tersembunyi

S22 Di bawah adalah tujuan penggunaan fungsi kecuali

- A. penggunaan semula kod
- B. melaksana proses secara berasingan
- C. pengkompil mudah diurus
- D. modul mudah diurus

S23 Tatasusunan month diisyiharkan seperti berikut:

```
int month[] = {jan, feb, mac, apr, may, jun};
```

Berapa banyak elemen tatasusunan month?

- A. 6
- B. 5
- C. 4
- D. 3

S24 Antara berikut yang manakah pernyataan di bawah tidak benar dalam mengisyiharkan tatasusunan?

- A. int i[];
- B. char grade [10];
- C. int 1Malaysia [];
- D. float annual_temp[100];

S25 Alamat tatasusunan yang pertama ialah _____

- A. kosong
- B. pertama
- C. nilai terendah dalam tatasusun
- D. nilai maksimum dalam tatasusun

(15 markah)

BAHAGIAN C

S26 Cari lima (5) kesalahan dalam aturcara berikut dan tulis semula kod yang betul.

```
#include<stdio.h>
void main();
{
    int bil(pelajar)=98;
    int tinggi=170cm;
    float berat=66.7, bmi;
    printf("Jumlah pelajar=%d", bil(pelajar));
    printf("Nama pelajar tertinggi:%s", 'Ali');
    printf("Body Mass Index (BMI)=%d",bmi)
}
```

(5 markah)

S27 Apakah output bagi pernyataan di bawah?

```
printf("Universiti Tun Hussein Onn Malaysia\n");
printf("86400\t");
printf("Parit Raja\t");
printf("Batu Pahat\n");
printf("Johor Darul Ta'zim");
```

(5 markah)

S28 Andaikan *i*, *j* dan *k* adalah pembolehubah integer dengan *i*=8 dan *j*=5. Apakah nilai bagi ungkapan berikut ?

- (i) $k=j\text{++}-2$
- (ii) $k=i*j--$
- (iii) $k=j+i*j++$
- (iv) $k=j\text{++}*-j$
- (v) $k=75/j\text{++}-16\%i$

(10 markah)

- S29** Tulis semula pernyataan `if.... else` di bawah menggunakan pernyataan berbilang `switch`.

```
char pilihan;
if(pilihan=='B')
    printf("BIRU\n")
else if (pilihan=='M');
    printf("MERAH\n")
else if (pilihan=='K')
    printf("KUNING\n");
else
    printf("Salah Pilihan\n");
```

(10 markah)

- S30 (a)** Tulis semula pernyataan `while` di bawah kepada pernyataan `for`.

```
//Program 1
#include <stdio.h>
int main()
{
    y=65;
    while (y<=85)
    {
        printf("%d\t", y);
        y+=5;
    }
    return 0;
}
```

(5 markah)

- (b)** Lakarkan carta alir untuk atur cara dalam **S30 (a)**.

(5 markah)

- S31** (a) Senaraikan dua perbezaan antara struktur kawalan do-while dan struktur kawalan while.
(4 markah)
- (b) Berapa kalikah Malaysia Boleh akan di paparkan di atas skrin?
(2 markah)
- ```
#include<stdio.h>
main()
{
 int i=1;
 do
 {
 printf("Malaysia Boleh\n");
 i++;
 }
 while(i<10);
}
```
- (c) Tukarkan aturcara **S31 (b)** dengan menggunakan pernyataan for.  
(4 markah)
- S32** Dengan menggunakan tatasusunan tunggal, pengguna akan memasukkan 12 nilai ke tatasusunan monthlyTemperature[12]. Tuliskan pengisytiharan bagi tatasusunan tersebut.  
(5 markah)

**BAHAGIAN D**

- S33** Anda dikehendaki membangunkan satu program untuk mengira jumlah markah dan purata untuk kelas x. Lukiskan carta alir dan tulis satu aturcara berdasarkan kepada fungsi di Jadual **S33a**. Contoh output adalah seperti di Rajah **S33**.

**Jadual S33a**

| Prototaip Fungsi                        | Header Fungsi                                                                     |
|-----------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|
| void display(double);                   | Memaparkan purata markah                                                          |
| double getMarks(void);                  | Minta pengguna untuk masukkan markah seperti ditunjukkan dalam Jadual <b>S33b</b> |
| double average(double, double, double); | Kira purata markah 3 orang pelajar/                                               |
| int main()                              | Fungsi utama untuk menjalankan program                                            |

**Jadual S33b**

| Pelajar   | Markah |
|-----------|--------|
| Student 1 | 45.5   |
| Student 2 | 80.0   |
| Student 3 | 75.5   |

```
Enter the mark: 45.5
Enter the mark: 80.0
Enter the mark: 75.5
The Average mark is: 67.0
Press any key to continue.....
```

**Rajah S33** Contoh output

(20 markah)

- S34** Lukiskan carta alir dan tukarkan aturcara struktur kawalan pilihan switch dalam Rajah **S34** kepada struktur kawalan pilihan if....else.

```
#include<stdio.h>

void main()
{
 float pointer;
 char gred;
 printf("Masukkan gred anda : \n");
 scanf("%c", &gred);
 switch(gred)
 {

 case 'A':
 pointer = 4.00;
 break;
 case 'B':
 pointer = 3.50;
 break;
 case 'C':
 pointer = 3.00;
 break;
 case 'D'):
 pointer = 2.50;
 break;
 default:
 pointer = 2.00;

 printf("Gred anda ialah: %c\n", gred);
 printf("Bersamaan dengan: %.2f\n", pointer);
}
```

**Rajah S34**

(20 markah)

**-SOALAN TAMAT -**